

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 25 Rejab 1443 / 26 Februari 2022****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir sebelah petang)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Hadir secara virtual)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara virtual)

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

(Hadir secara *virtual*)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

(Tidak hadir sebelah pagi dan hadir secara *virtual* sebelah petang)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

(Hadir secara *virtual*)

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Timbalan Jurutulis :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari yang ketiga, hari Sabtu, 25hb Rejab 1443H bersamaan 26hb. Februari 2022M didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُ Kita bersyukur kepada اللَّهِ kerana dengan limpah rahmat-Nya dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang pada hari yang ketiga dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam keatas junjungan besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, persidangan telah selesai

meluluskan Usul-Usul Yang Diberi Notis dan pada pagi ini kita akan segera berpindah ke perkara-perkara yang seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VI - Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah kepada Perkara VI - Rang Undang-Undang. Satu Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat itu untuk mengemukakan Rang Undang-Undang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II baharu sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud tertentu.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin bagi memaklumkan di majlis ini untuk mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu pada persidangan hari ini juga. Sesuai dengan Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, kaola bercadang untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-Undang ini untuk dibacakan untuk kali yang kedua dan ketiga pada hari ini juga. Maka kaola memohon izin kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantungkan

Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara bagi membolehkan membuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini jua. Permohonan ini adalah semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar alasan dan keterangan serta sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantungkan bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut syarat 48 (3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas keizinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola membacakan Rang Undang-Undang Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari

Kumpulanwang Yang Disatukan perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan peruntukan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu bagi kali yang kedua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

... رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي.
وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي. يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan bagi pengeluaran sejumlah \$5.7 bilion dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2022/2023 dan memperuntukkannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual.

Dalam berbuat demikian kaola memohon izin untuk menerangkan secara ringkas mengenai dengan sokongan anggaran belanjawan berdasar kepada analisa dan penilaian seperti kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan sebagai asas dalam menyediakan Rang Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023. Ini termasuklah Prospek Ekonomi Global dan Negara Brunei Darussalam.

الْحَمْدُ لِلَّهِ syukur kita panjatkan ke hadrat الله سبحانه وتعالى kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan disebalik berbagai cabaran yang dihadapi pada masa ini.

Dalam kesempatan ini, juga kaola bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih khususnya kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan dan agensi-agensi keselamatan baik di sektor awam mahupun sektor swasta di atas khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dihulurkan demi memastikan negara dan semua lapisan masyarakat terselamat dan terpelihara dari kesan penularan wabak *COVID-19* ini.

Pandemik *COVID-19* telah mengubah lanskap sesebuah ekonomi termasuk Negara Brunei Darussalam dan kesannya telah menjejaskan aktiviti-aktiviti sosial dan perekonomian disebabkan oleh sekatan pergerakan yang dilaksanakan sejak gelombang pertama dan kedua dalam usaha untuk membendung penularan wabak berkenaan.

Di samping kesan yang kita hadapi dalam negara, rangkaian global juga turut terkesan, disebabkan oleh sekatan pergerakan yang telah menjejaskan pengeluaran negara-negara pembekal, di mana permintaan pengguna tidak dapat dipenuhi khususnya sektor-sektor ekonomi yang bergantung kepada sumber dari luar negara.

Untuk menangani penularan wabak di negara ini, kerajaan telah mempertingkatkan lagi Program Vaksinasi Kebangsaan yang telah bermula pada 3 April 2021. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** setakat ini lebih dari 94% rakyat dan penduduk di negara ini telah menerima suntikan, sekali gus membolehkan negara mengisytiharkan tahap endemik pada 15 Disember 2021 di mana dengan fasa endemik ini, orang ramai dapat menjalani semula aktiviti-aktiviti harian seperti biasa dengan mengamalkan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Garis Panduan Fasa Awal Endemik yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Untuk mencapai program tersebut beberapa tindakan telah diambil seperti berikut:

- i) Perkhidmatan Klinik Vaksinasi Bergerak, khusus bagi penduduk-penduduk luar bandar dan meraka yang kurang upaya.
- ii) Program Vaksinasi Remaja iaitu bagi remaja yang berumur 12 hingga 17 tahun yang telah bermula pada 8 November 2021.
- iii) Pemberian Dos Penggalak (*Booster Dose*) kepada orang ramai 18 tahun keatas dan telah menengkapkan 2 dos vaksinasi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lanskap Ekonomi Dunia adalah masih tidak menentu disebabkan oleh penularan *COVID-19*. Hala tuju pemulihan ekonomi masih tidak dapat dijangkakan walaupun dengan adanya

vaksin dan program vaksinasi yang dilaksanakan oleh seluruh negara di dunia. Namun kebimbangan dengan munculnya varian-varian baharu telah menjejaskan pergerakan pejalan. Sekaligus menjejaskan pemulihan ekonomi bagi sesebuah negara.

Ekonomi dunia telah merudum pada awal penularan *COVID-19* iaitu pada tahun 2020 akibat dari perlaksanaan "*the great lockdown*", sebagai langkah pembendungan penularan *COVID-19*. Pertumbuhan ekonomi dunia telah mencatatkan penurunan sebanyak negatif 3.1%, berikutan penutupan beberapa sektor ekonomi dalam usaha untuk membendung penularan wabak berkenaan dan ini diikuti oleh peningkatan pengganguran yang membawa kesan negatif terutama sekali kepada sektor-sektor kepada penerbangan dan hospitaliti. Pada masa yang sama, negara pengeksport minyak juga berhadapan dengan beberapa cabaran seperti kejatuhan harga minyak global, dan kemerosotan permintaan dalam pasaran terhadap bahan api fosil.

Di samping itu, ini telah mendorong komitmen beberapa negara kepada *decarbonisation* atau *Green Recovery* dan perubahan teknologi hijau yang meluas secara beransur-ansur telah menjadikan *renewable energies* sebagai tenaga pilihan.

Kemunculan *Variant Delta* pada tahun 2021 telah menjejaskan momentum pemulihan ekonomi global. Walau bagaimanapun penyesuaian kepada norma baharu dan sokongan *stimulus*

berterusan dalam ekonomi besar telah membolehkan ekonomi global kembali pulih ataupun *rebound* dan dalam laporan *World Economic Outlook (WEO)* keluaran bulan Oktober 2021 pihak *International Monetary Fund (IMF)* telah meramalkan pertumbuhan ekonomi global akan meningkat sebanyak 4.9 % bagi tahun 2022.

Walaupun bagaimanapun, berikutan kemunculan variant baru Omicron serta gangguan rantaian bekalan global yang berlanjutan pihak IMF dalam laporan WEO keluaran bulan Januari 2022 telah menurun unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2022 kepada kadar 4.4 %. Dalam pada itu, pertumbuhan ekonomi di rantau Asia pula khususnya *Emerging and Developing Asia, (China, India & ASEAN-5)*. Bagi tahun 2022 adalah diunjurkan 5.9% dalam laporan WEO IMF keluaran bulan Januari 2022, berbanding 6.3% dalam laporan WEO IMF keluaran bulan Oktober 2021.

Pihak IMF juga meramalkan bahawa jumlah perdagangan global (*global trade volume*) akan berkembang pada kadar 6% pada tahun 2022 berbanding dengan 9.3 % pada tahun 2021. Pihak agensi *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Januari 2022 telah meramalkan bahawa minyak brand akan meningkat purata dari US\$71 setong pada tahun 2021 kepada US\$75 setong pada tahun 2022.

Kenaikan harga minyak ini adalah didorong oleh kadar pengeluaran minyak yang tidak dapat memenuhi permintaan dimana, peningkatan penggunaan

petroleum dan bahan api cecair global secara purata sebanyak 3.6 juta tong sehari daripada 96.9 juta tong sehari pada tahun 2021, 100.5 juta tong sehari bagi tahun 2022.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya kaola ingin mengongsikan prestasi ekonomi negara. Pada tahun 2020, sektor minyak dan gas negara telah turut terkesan menurun permintaan minyak global. Walaupun demikian, ekonomi negara secara keseluruhannya telah merekodkan pertumbuhan positif dalam tahun 2020 iaitu pada kadar 1.1% berikutan pertumbuhan yang kukuh dari sektor bukan minyak dan gas. Pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh meningkatnya aktiviti hiliran sektor pengeluaran produk petroleum dan kimia dan sektor perikanan.

Bagi suku ketiga pada tahun 2021 keluaran dalam negara kasar Negara Brunei Darussalam telah menurun sebanyak 2.2% berbanding suku ketiga tahun 2020. Ini adalah disebabkan penurunan pengeluaran minyak mentah kepada 97.1 ribu tong sehari pada suku ketiga tahun 2021 berbanding dengan 100.6 ribu tong sehari pada suku ketiga tahun 2020 dan pengeluaran gas asli sebanyak 750.9 ribu MMbtu sehari pada suku ketiga tahun 2021 berbanding 834.5 ribu Mmbtu sehari pada suku ketiga tahun 2020 yang disebabkan oleh sekatan pergerakan yang sebahagiannya menyebabkan terjejasnya aktiviti-aktiviti penyelenggaraan telaga-telaga minyak

termasuk *well, reservoir and facilities management*.

Walaupun bagaimanapun, penurunan ini diimbangi oleh perkembangan yang positif dari sektor bukan minyak dan gas sebanyak 1.0 % pada suku ketiga tahun 2021 berbanding suku ketiga tahun 2020. Perkembangan positif ini adalah didorong oleh meningkatnya pengeluaran dari sektor pertanian, perhutanan dan perikanan pada kadar 27.9 % disebabkan oleh peningkatan dari sub-sektor sayur-sayuran, buah-buah dan lain-lain hasil pertanian, sub-sektor perikanan dan sub-sektor makanan ternakan. Di samping itu terdapat juga sub-sektor lain yang turut menyumbang kepada perkembangan yang positif seperti subsektor pengangkutan udara, subsektor kewangan, subsektor perhubungan dan subsektor perkhidmatan kesihatan.

Pihak *International monetary fund (IMF)*, *ASEAN Plus 3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* dan *Asian Development Bank (ADB)* pula telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi yang positif bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2022 masing-masing pada kadar 2.6 %, 3.5 % dan 3.3%. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, ini adalah dengan mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan penguatan ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri pengeluaran hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd dan kilang Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI).

Namun demikian, perkembangan positif ini berkemungkinan dilembabkan oleh situasi inflasi global yang semakin meningkat berpunca daripada rangkaian barangan global (*global supply chain*) yang telah terjejas akibat *COVID-19*. Pada inflasi negara pada tahun 2020 adalah 1.9 % dan pada kadar 1.7 % setakat bulan November tahun 2021. Situasi ini amat berbeza pandemik *COVID-19* melanda dunia. Yang mana kadar inflasi negara ini adalah di tahap minimum. Kadar inflasi global yang meningkat telah menjejaskan bukan sahaja pengguna negara ini, tetapi jua syarikat luar memandangkan negara amat bergantung kepada produk-produk import termasuk barangan penggunaan (*consumer goods*) dan barangan perantaraan (*intermediate goods*) yang digunakan sebagai *input* kepada pengeluaran produk tempatan. Penyebab utama kadar inflasi *Global* adalah kos logistik dan pengangkutan yang melonjak naik, dan kos bahan mentah yang turut meningkat. Menurut Freightos Baltic Index, Global Container Freight Indeks, kos pengangkutan bagi kontena global telah meningkat secara mendadak dari bulan Julai 2019 yang berjumlah US\$1,342 bagi kontena berukuran 40 kaki kepada US\$9,806 pada bulan Januari 2022. Iaitu sekurang-kurangnya (6) kali ganda kenaikan. Ini ditambah lagi dengan kesesakan dengan di pelabuhan-pelabuhan utama dunia yang menyebabkan kelambatan dalam penghantaran barangan.

Kadar inflasi tinggi yang dialami di seluruh dunia ini adalah satu perkara yang di luar kawalan negara ini. Ianya

bukan sahaja menjejaskan sector-sektor perindustrian di seluruh dunia, tetapi juga kualiti kehidupan dengan meningkatnya kos kehidupan seharian. Dalam hubungan ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa memantau dan meneliti impak inflasi global ini kepada ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Kutipan hasil pendapatan Kerajaan adalah menurun sebanyak 57.7 peratus kepada \$ 2.05 bilion berbanding dengan Tahun Kewangan 2019/2020 (\$4.85 bilion). Manakala, perbelanjaan sebenar kerajaan adalah menurun sebanyak 9.9 peratus kepada \$5.29 bilion berbanding Tahun Kewangan 2019/2020 (\$5.87 bilion). Oleh Yang demikian kerajaan telah merekodkan defisit berjumlah \$3.24 bilion bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Ini merupakan defisit yang tertinggi sejak negara mengalami defisit pada Tahun Kewangan 2014/2015. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh harga minyak dunia yang berada di paras yang rendah sehingga ada ketikanya berada pada kadar US\$20 setong dan secara purata adalah kadar US\$42 setong pada tahun 2020. Dalam masa yang sama pengeluaran minyak mentah dan LNG domestik juga menurun berikutan penangguhan dan kerja-kerja pemulihan yang tidak dirancang (*unschedule deferments and maintenance*) ke atas telaga-telaga minyak.

Seterusnya kaola ingin mengongsikan fiskal Kerajaan yang dikemaskini pada Tahun 2021/2022. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, berikutan dengan kenaikan harga minyak dunia yang mencecah melebihi US\$90 setong, unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 adalah dikemaskini kepada \$4.15 bilion berbanding \$2.05 bilion dalam Tahun Kewangan 2020/2021.

Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2021/2022 adalah diunjurkan meningkat kepada \$5.67 bilion berbanding \$5.29 bilion dalam tahun kewangan 2020/2021. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan komitmen kerajaan dari bulan Ogos 2021 berikutan gelombang kedua wabak *COVID-19*, di mana setakat 24 Februari 2022 Kerajaan membelanjakan sejumlah \$138.5 juta untuk mebiayai perkara-perkara berikut:

1. Untuk meningkatkan kapasiti ujian maklmal *SARS COV-2* Kepada 8,000 ujian sehari, dimana Brunei Covid 19 AirLab telah mula beroperasi sejak 19 Ogos 2021;
2. Pemberian Elaun Khas kepada barisan hadapan termasuk doctor, jururawat, paramedik, pemandu ambulan, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan semua yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin serta pusat-pusat vaksinasi;

3. Pembelian Vaksin termasuk *COVID-19 Global Vaccine Access Facility* ataupun *COVAX*;
4. Perbelanjaan bagi menambah Pusat Pengasingan Kebangsaan sementara bagi kes-kes kritikal di Bangunan Program Khidmatan Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong, Kampus Mahad Islam Brunei dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiaht Tutong, Batalion Ketiga Kem Lumut dan Pusat Tingkatan Enam PTE di Daerah Belait;
5. Perbelanjaan untuk melaksanakan sistem pengurusan Vaksin dan dan Fasa ke-3 Sistem Aplikasi *BruHealth* dan untuk menambah kapasiti sistem *BruHealth* dan perlaksanaan *BruHealth Disaster Recovery Site* dan Perbelajaan untuk membekal makanan *ration* kepada individu yang menjalani pengasingan diri di pusat-pusat pengasingan dan tempat kediaman sendiri; dan
6. Perbelanjann untuk membeli Antigen-Rapid Test khusus untuk kegunaan kementerian-kementerian dan Jabtan-Jabatan kerajaan termasuk sekolah-sekolah dan institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Oleh yang demikian, berasaskan kepada anggaran kutipan hasil dan perbelanjaan hasil yang koala kongsikan sebentar tadi, kerajaan di jangka akan merekodkan defisit belanjawan sebanyak \$1.52 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022 berbanding dengan \$3.24 bilion dalam Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,.

Seterusnya kaola sukacita mengongsikan Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 yang diunjurkan berjumlah \$3.17 bilion. Dimana B\$2.25 bilion adalah dari hasil Sektor minyak dan Gas; \$923 juta adalah bukan hasil dari Sektor Minyak dan Gas . Pecahan hasil-hasil tersebut adalah antaranya seperti berikut:

1. Kutipan hasil Cukai-Cukai yang keseluruhannya berjumlah \$314.60 juta;
2. Hasil dari yuran Caj dan Sewa yang keseluruhannya berjumlah \$311.36 juta;
3. Hasil pulangan pelaburan dan simpanan sebanyak \$236.28 juta; dan
4. Hasil yang berlebihan dari badan-badan berkanun sebanyak \$40.49 juta.

Dari segi perbelanjaan sejumlah \$5.7 billion Brunei adalah dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan seperti berikut:

- i. \$2.15 bilion untuk membiayai gaji kakitangan termasuk gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman;
- ii. \$2.14 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-Ulang;

iii. B\$350 juta adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Kemajuan Negara;

iv. Selebihnya adalah untuk membiayai perbelanjaan di bawah tajuk Perbelanjaan Yang Diakui;

Oleh itu, berdasarkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan yang kaola nyatakan tadi, maka kerajaan akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira \$2.53 bilion. Unjuran defisit ini akan dikemaskini dari masa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran matawang dollar Amerika Syarikat dan hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan beralih kepada tema belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Tema yang dipilih adalah **"Memperkasa Kesejahteraan Awam ke Arah sosioekonomi yang lebih *resilien*"**. Tema ini akan memfokuskan kepada empat keutamaan iaitu:

- i) Memelihara Kesejahteraan Awam;
- ii) Menjamin Sekuriti Makanan (*food security*);
- iii) Mendukung dan Membantu Sektor Swasta agar Berdaya Tahan dan Berkembang; dan

iv) Meningkatkan Kompetensi Sumber Manusia Ke Arah '*Work and Future Ready*'.

Tema ini dirangka bagi memastikan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan dirancang untuk diteruskan dan dilipatgandakan dalam usaha mengukuhkan lagi kedayatahan sosioekonomi negara agar ianya mampan dan inklusif dengan memanfaatkan *competitive advantage* yang sedia ada dan teknologi yang inovatif. Ini adalah termasuk meningkatkan produktiviti Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana ataupun PMKS dan sekaligus menjana peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu per satu termasuk perkembangan dan pencapaiannya:

1. Memelihara Kesejahteraan Awam

Kerajaan akan terus mendukung ke arah pemulihan ekonomi negara yang terkesan daripada pandemik *COVID-19*. Ini termasuklah memberikan keutamaan terhadap penjagaan kesihatan awam yang menyeluruh dan komprehensif. Ke arah ini, peruntukan-peruntukan adalah disediakan seperti berikut:

- i) Sejumlah \$124.52 juta untuk menangani penularan wabak *COVID-19* termasuk menambah bekalan vaksin-vaksin *COVID-19*,

menambahbaik kapasiti sistem aplikasi *BruHealth*, pembelian peralatan perubatan serta barang gunahabis termasuk *Antigen Rapid Test*, keperluan di pusat-pusat pengasingan dan ujian makmal-makmal *COVID-19*, meneruskan pemberian elaun khas kepada para barisan hadapan dan sebagainya;

- ii) Sejumlah \$55 juta untuk membeli ubat-ubatan, dan sejumlah \$41.5 juta bagi Perbekalan dan Perkhidmatan Perubatan.

- iii) Sejumlah \$1.9 juta dengan harga rancangan \$5.6 juta di bawah RKN-11 seperti projek-projek pembinaan blok baharu Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong dan pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait; dan

- iv) Sejumlah \$30 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk membayar perkhidmatan perubatan rawatan di JPMC, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei NeuroScience Stroke and Rehabilitation Centre*.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pindaan ke atas Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021 dan Perintah Orang Kurang Upaya

(OKU) 2021 yang memberi kesaksamaan hak asasi dan peluang penyertaan penuh dalam syarikat bagi golongan yang berkelainan upaya dan mengukuhkan penjagaan dan pemeduliaan golongan OKU termasuk pemberian elaun kepada yang benar-benar layak.

Bagi mensejajarkan proses pemberian bantuan-bantuan oleh agensi-agensi berkenaan dan memastikan tidak ada ketirisan kepada golongan-golongan yang berhak menerima bantuan, kerajaan telah memperluaskan kapasiti Sistem Kebajikan Negara (SKN) bagi membolehkan pemohon-pemohon dari sektor swasta dan individu yang bekerja sendiri (*self-employed/freelance*) yang telah terkesan oleh pandemik *COVID-19* untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diperlukan.

Untuk meningkatkan keselesaan dan keselamatan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan sejumlah \$200,000.00 dengan harga rancangan \$1.8 juta di bawah RKN-11 disediakan untuk membina bangunan baru Unit Perlindungan, Komplek Rumah Kebajikan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan golongan yang kurang berkemampuan, Program Pembinaan Rumah Bantuan bagi golongan dhaif, fakir dan miskin akan diteruskan melalui Peruntukan Kumpulan Wang Zakat, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Bantuan perumahan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Untuk memelihara kebajikan rakyat melalui pemilikan rumah (*home ownership*) peruntukan sejumlah \$38.8 juta dengan harga rancangan \$250 juta di bawah RKN-11 adalah bagi projek pembinaan rumah kediaman di bawah Rancangan Perumahan Negara di Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu.

Untuk meningkatkan kualiti bekalan air di Negara ini, peruntukan sejumlah \$26.1 juta dengan harga rancangan \$216.0 juta di bawah RKN-11 khususnya bagi Kementerian Pembangunan bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan, penaiktarafan dan penggantian aset-aset perbekalan air.

Untuk memastikan perkhidmatan elektrik yang *reliable* dan berkualiti, sejumlah \$44 juta dengan harga rancangan \$315.7 juta di bawah RKN-11 adalah bagi membiayai kerja-kerja penaiktarafan dan penyelenggaraan infrastruktur elektrik.

Untuk meningkatkan *connectivity* dan membuka peluang perkembangan aktiviti sosioekonomi sejumlah \$20.2 juta dengan Harga Rancangan \$ 169.5 juta disediakan di bawah RKN 11 adalah khusus untuk meneruskan kerja-kerja penambahbaikan, pemeliharaan dan peningkatan rangkaian jalan raya.

Ke arah usaha untuk menangani impak perubahan iklim sejumlah \$15 juta disediakan bagi pengurusan bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur

dan sebagainya dan sejumlah \$5.5 juta dengan Harga Rancangan \$ 60.3 juta di bawah RKN 11 disediakan untuk melaksanakan beberapa projek mitigasi banjir.

Untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan penjawat awam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi kakitangan dalam perkhidmatan *open vote* dan gaji Hari dalam bahagian IV dan V yang memenuhi syarat untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tetap dan akan menerima semua kemudahan-kemudahan dibawah Perkhidmatan Tetap berkenaan. Mulai Tahun Kewangan 2022/2023 peruntukan untuk pekerja *open vote* dan bergaji hari telah disediakan sejumlah \$107.63 juta dibawah Gaji Kakitangan.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menjunjung kasih di atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara 2022 pada 24hb Februari 2022 iaitu berkaitan dengan Skim Tabung Amanah Pekerja di mana kajian telah pun selesai dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan ان شاء الله pelaksanaan penuh akan bermula pada tahun 2023. Dalam pada itu, baginda

juga menekankan bahawa segala persiapan sebelum pelaksanaan penuh dibuat hendaklah dilaksanakan dengan teratur antaranya pindaan kepada akta, perubahan kepada sistem teknologi maklumat dan termasuklah pemberigaan. Apa yang penting, mereka yang terlibat dalam skim ini nanti akan memahami berkenaan Skim Persaraan yang baru yang dimaksudkan.

Untuk membantu tenaga-tenaga pengajar dan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan yang menerima Skim Miftaahun Najaah (SMN) dibawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa melaksanakan inisiatif-inisiatif sesi pengajian dalam talian (*online teaching*) dan sesi pembelajaran dari rumah (*Home-based Learning*) Kerajaan telah menghulurkan bantuan-bantuan seperti berikut:

1. Dari bulan Oktober dan November 2021, bantuan berbentuk *monetary* sejumlah \$20.00 sebulan bagi setiap tenaga pengajar. Manakala bagi pelajar pula *data donation* yang dikumpulkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi telah digunakan untuk membantu pembelajaran sebanyak 10 Gigabyte setiap bulan manakala pihak kerajaan akan membayar *top-up* jika diperlukan tertakluk kepada tuntutan dari syarikat-syarikat telekomunikasi yang disahkan oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.
2. Bagi penggal persekolahan Tahun 2022, Kerajaan telah menyewa

peranti dari syarikat-syarikat telekomunikasi untuk digunakan oleh tenaga-tenaga pengajar dan pelajar-pelajar dibawah SMN.

- Ke arah itu, sejumlah \$8.4 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah disediakan untuk membiayai projek pembekalan Komputer Riba dan *Internet Data* bagi tenaga pengajar dan penuntut di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama khas untuk penuntut- penuntut di bawah Skim SMN.

Yang Berhormat Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keutamaan belanjawan kedua adalah untuk menjamin sekuriti makanan atau *food security*.

Kerajaan akan terus memastikan bahawa bekalan makanan bekalan makanan di Negara ini adalah sentiasa terjamin termasuk hasrat untuk mencapai sara diri dan mengurangkan kebergantungan kepada *import* semata-mata. Pada masa yang sama negara juga berdepan dengan cabaran inflasi global yang semakin meningkat iaitu termasuk inflasi bagi makanan. Pada masa yang sama, *food and agriculture organisation (FAO), Global Food Price Index* telah mencatatkan bahawa kadar inflasi makanan global pada bulan Januari 2022 adalah pada kadar 19.5% tahun ke tahun berbanding dengan 3.2% pada tahun 2020. Di antara penyebab utama kenaikan harga makanan di dunia ini

adalah disebabkan oleh permintaan yang mendadak berikutan krisis di peringkat serantau dan global akibat bekalan yang terjejas di negara-negara pembekal, peningkatan kos logistik dan pengangkutan berlipat ganda, kenaikan kos bahan mentah seperti benih dan baja, penutupan kilang-kilang pengeluaran makanan disebabkan oleh pandemik dan keadaan cuaca ekstrim seperti musim kemarau atau hujan berterusan yang menjejaskan hasil penuaian di negara pembekal dan seterusnya mengurangkan kuantiti *import*.

Peningkatan kadar inflasi makanan global yang di luar kawalan negara ini tidak dapat dielakkan dan seterusnya memberi impak bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga kepada pengusaha negara ini.

Justeru itu, dengan mengambil kira kadar import makanan negara yang tinggi iaitu sebanyak 74% kadar inflasi yang tinggi dari pembekal-pembekal luar negara (*imported inflation*) telah menyumbang kepada kenaikan harga barang di negara ini. Kadar inflasi makanan di negara ini bagi tahun 2021 adalah sebanyak 2.4%. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi negara ini untuk terus memastikan bekalan makanan yang mencukupi dengan meningkatkan hasil keluaran makanan dalam negara ke arah meningkatkan kadar sara diri *self sufficiency* dan mengurangkan kebergantungan kepada *import*.

Oleh itu bagi memastikan bekalan makanan negara adalah sentiasa

terjamin termasuk untuk mencapai *self sufficiency* beberapa usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam meningkatkan pengeluaran dari sektor-sektor pertanian, perikanan dan ternakan. Syarikat PaddyCo Sdn Bhd dengan projek penanaman padi Kandol telah berjaya mengembangkan keluasan ladang padi dari 8.23 hektor pada tahun 2019 kepada 48 hektor pada bulan November 2021 dan akan diperluaskan seterusnya sehingga 173 hektor pada penghujung tahun ini.

Ke arah itu, sejumlah \$10 juta dengan Harga Rancangan \$46 juta terus disediakan bagi Projek Penanaman Padi fasa kedua di kawasan Kandol Daerah Belait yang ijangka siap pada tahun 2026 dengan keluasan 500 hektar yang berpotensi untuk menyumbang sebanyak 11% hingga 15% peratus tahap sara diri, ان شاء الله.

Di samping itu sejumlah \$9 juta juga disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi termasuk bagi pembelian benih-benih padi *hybrid* bagi kegunaan peladang-peladang.

Ke arah mendukung usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri akuakultur sejumlah \$1.9 juta dengan harga rancangan \$3.8 juta disediakan di bawah RKN-11 iaitu bagi memajukan dan membuka tapak-tapak industri akuakultur, melaksanakan Program Perkembangan Genetik dan Pembiakan Selektif Ikan bagi Meningkatkan Produktiviti Industri Akuakultur, Industri Ternakan Udang Fasa IV dan Program

Meningkatkan Pengeluaran Industri Akuakultur.

Bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti di sektor perikanan, beberapa syarikat usaha sama telah ditubuhkan antara lainnya seperti berikut:-

1. Syarikat *Blue Ocean Tech* Sendirian Berhad yang mengendalikan projek penetasan dan pembiakan udang biru rostris di Pusat Perkembangan Induk Serasa;
2. Syarikat Jet Sendirian Berhad, yang mengendalikan projek ladang penternakan udang biru rostris di Sungai Paku, Telisai Tutong dan Tapak Ternakan Laut di Tapak Akuakultur Pelumpong;
3. Syarikat Lianfeng *Investment* Sendirian Berhad yang mengendalikan pemprosesan udang biru rostris dan makanan laut di Kompleks Pendaratan Ikan Muara;
4. Syarikat Barramundi Asia (B) Sendirian Berhad, telah mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021 di sebuah tapak penternakan anak-anak ikan (*fingerlings*) di darat yang menggunakan teknologi *Recirculating Aquaculture System* di Broodstock Development Centre, Serasa dan sebuah tapak ternakan ikan *juveniles* laut di Tapak Akuakultur di Pelumpong. ان شاء الله, syarikat ini berpotensi untuk menghasilkan ikan Barramundi dengan kapasiti tahunan sebanyak 3,000 tan selepas tahun 2026.

5. Syarikat Golden Corporation Sendirian Berhad telah membuat pengeluaran berjumlah 4,200 tan udang putih spesies *vanamie* daripada penuaian yang dibuat pada tahun 2021. Ini merupakan kenaikan sebanyak 150 peratus dari tahun 2020. Setakat ini sejumlah 156 kontainer udang putih telah dibekalkan bagi pasaran eksport.

Untuk mendukung peningkatan keluaran sayur-sayuran dengan menggunakan teknologi, teknik moden dan untuk membantu meningkatkan produktiviti sejumlah \$5 juta dengan harga rancangan \$30 juta telah disediakan.

Manakala di bawah Sektor Ternakan sejumlah \$3 juta dengan Harga Rancangan sejumlah \$26 juta di bawah RKN-11 adalah disediakan untuk membiayai Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran.

Berikutan daripada impak pandemik *COVID-19*, Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad telah pun bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memastikan jaminan makanan (*food security*) khususnya bekalan daging di negara ini adalah mencukupi dan stabil mengikut permintaan pasaran tempatan. Sepanjang tahun 2021, Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd telah mengimport sebanyak 13,885 ekor lembu dan 5,681 ekor kambing yang sedia untuk disembelih bagi menampung kekurangan bekalan daging di negara ini.

Ke arah memastikan keselamatan dan kualiti makanan di negara ini, **اللَّحْمُ بِاللَّهِ** autoriti makanan Brunei Darussalam atau Brunei Darussalam *Food Authority (B DFA)* telah ditubuhkan pada 1 haribulan Januari 2021 sebagai *competent authority* yang bertujuan mendukung fungsi dan peranan *B DFA* seperti Perintah Daging Segar (2011) (Pindaan) (2020) dan Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182 (Pindaan) (2020) dan beberapa perundangan dan peraturan baharu juga sedang diubah untuk mengukuhkan lagi isu keselamatan dan kualiti makanan di negara ini. Di peringkat operasi, *B DFA* menjalankan aktiviti rutin untuk memastikan makanan yang diimport ke Negara Brunei Darussalam memenuhi keperluan keselamatan makanan, antaranya seperti ujian mikrobiologi dan kimia bagi konsainan daging yang diimport sebelum diberikan kebenaran untuk dijual serta pengesahan keselamatan bagi makanan proses yang diimport. *B DFA* juga membantu memudah cara perkembangan industri makanan tempatan ke arah memenuhi keperluan pasaran eksport melalui pemeriksaan premis pemprosesan dan pengeluaran pensijilan yang diperlukan seperti Sijil Kesihatan Eksport, Sijil Penjualan Bebas bagi barangan makanan berproses serta Pengisytiharan Bebas Dari Lemak Haiwan mulai pada 1 haribulan Oktober 2021.

Bagi menangani isu inflasi makanan di negara ini, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik atau JPES sedang giat melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan harga barangan

tertentu. Beberapa pindaan juga telah dibuat ke atas *Price Control Act (Amendment) Order 2021* Penggal 142, *Price Control (Maximum Prices and Charges) (Amendment) Order, 2021* dan *Price Control (Minimum Price and Charges) (Repeal) Order, 2021*. Pindaan ini antara lainnya, bertujuan untuk membolehkan maklumat-maklumat relevan diperolehi daripada pihak peniaga bagi kerja pemantauan harga barangan asasi tertentu sebagai kegunaan *input* dasar dan penguatkuasaan kawalan harga. Selain dari pengawalan harga secara berterusan bagi beberapa jenis makanan, JPES juga setiap minggu memuat naik harga pasaran bagi lebih 100 produk-produk makanan dan bukan makanan di aplikasi Pengguna Bijak bagi membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Fokus belanjawan yang ketiga adalah untuk mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang.

Berikutan dari tercetusnya gelombang kedua wabak *COVID-19*, kerajaan akan terus memberi sokongan dan perhatian yang sewajarnya kepada premis-premis perniagaan dan pekerja-pekerja sektor swasta yang terkesan pada mana langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Penangguhan pembayaran (atau *deferment*) ke atas caruman TAP dan SCP bagi pekerja-pekerja tempatan yang berpendapatan

\$1,500 sebulan dan kebawah di sektor-sektor yang terjejas di dalam kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) iaitu dengan jumlah pekerja yang tidak melebihi daripada seratus orang mulai 1 haribulan Ogos 2021 sehingga 31 haribulan Disember 2021;

2. Pemberian subsidi pembayaran gaji sebanyak 25% kepada pekerja tempatan di bawah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja yang tidak melebihi daripada 100 orang mulai 1 haribulan Ogos hingga 31 haribulan Disember 2021;
3. Pembiayaan caruman SCP kepada golongan yang bekerja sendiri mulai Ogos 2021 hingga Disember 2021 bagi membantu mereka yang bekerja sendiri yang terkesan dari wabak ini serta memastikan mereka akan mempunyai perlindungan *Survivorship Fund* yang berterusan;
4. Bantuan berupa kewangan bermula 1 haribulan September 2021 bagi tempoh tiga bulan telah diberikan kepada tiga golongan pekerja di sektor swasta yang terkesan disebabkan oleh *COVID-19* iaitu mereka yang kehilangan pekerjaan, mereka yang dicutikan tanpa gaji melebihi tujuh hari dan mereka yang bekerja sendiri (*self employed* atau *freelance*);
5. Memberikan diskaun sekurang-kurangnya 30% ke atas kadar sewa

bangunan kerajaan kepada PMKS mengikut perusahaan yang terjejas. Ini adalah untuk membantu untuk mengurangkan kos operasi kepada pengusaha-pengusaha yang dimaksudkan;

6. Memberikan *tax discount* sebanyak 50% ke atas cukai pendapatan korporat bagi tahun taksiran 2022 kepada sektor yang terjejas;
7. Memberikan 20% diskaun untuk bil-bil air dan elektrik ke atas syarikat yang terjejas;
8. Pengecualian sementara *duty custom* dan *duty excise* bagi produk-produk *Personal Hygiene* sehingga 31 haribulan Disember 2021;
9. Pemberian pengurangan Cukai bangunan semasa dan tahunan maksimum sebanyak 50% bagi tempoh 5 bulan bermula 1 haribulan Ogos 2021 hingga 31 haribulan Disember 2021 kepada pemilik bangunan yang mengurangkan sewa bulanan kepada penyewa, di bawah kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong.

Untuk membantu mengembangkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

1. *Program Industry Business Academy, Accelerate* dan *Micro Bootcamp* yang dianjurkan oleh Darussalam

Enterprise akan diteruskan dengan memberikan latihan keusahawanan kepada lebih 10 ribu peserta. **اللَّهُمَّ** program ini telah berjaya menjana sekitar 241 *start-ups* dan 956 pekerjaan berbanding 609 kosong pekerjaan pada tahun 2020. Melalui program tersebut, *angel investors* tempatan dan serantau juga telah melabur secara kolektif sebanyak 2.2 juta kepada 23 buah *start-ups*. Seterusnya, Darussalam Enterprise juga membantu sebanyak 31 buah syarikat untuk mendapatkan pensijilan piawaian antarabangsa dan 7 buah syarikat untuk mengeksport produk perkhidmatan masing-masing ke pasaran luar negara. Sebanyak 199 buah syarikat telah menjalani latihan berkaitan *Standards*.

2. Program keusahawanan runcit yang dilancarkan pada 6 haribulan April 2021 oleh Syarikat Ghanim International Cooperation Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat dalam Darussalam Assets Sendirian Berhad merupakan inisiatif kerajaan untuk mendorong penyertaan tempatan dalam industri runcit dan memberi laluan bagi produk-produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mencapai sasaran. Syarikat Ghanim Sendirian Berhad juga bertindak sebagai fasilitator untuk mempromosikan usahawan muda tempatan sebagai pengurus dalam menjalankan *franchise 'The Junction'*. Program tersebut beroperasi di kawasan Perumahan Armada Tungku Estate di bangunan BIBD Connect Kampung

Perpindahan Lambak Kanan dan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, yang mana setakat ini, seramai 3 usahawan muda tempatan telah layak mengikuti program tersebut.

3. Menyentuh mengenai program *i-Usahawan* yang telah diperkenalkan pada 1 haribulan Ogos 2018 lalu sebanyak 39 kontrak di dalam sektor tenaga telah dikenal pasti, iaitu 22 kontrak daripadanya telah pun dianugerahkan kepada 34 pengusaha-pengusaha belia dengan anggaran nilai kontrak berjumlah \$30 juta. Pengusaha-pengusaha belia berkenaan juga telah berjaya menjana 317 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.
4. Souq Al Qudwah adalah inisiatif Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan kerjasama Kemenerian Hal Ehwal Ugama untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan mualaf dan asnaf yang terdaftar di bawah Pusat Da'wah Islamiah. Program ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran, mempromosikan produk menjana pendapatan agar dapat berdikari dan bebas dari segi kewangan untuk memberhentikan kitaran kemiskinan dan mengurangkan pergantungan kepada bantuan zakat. Ekspo ini telah disertai oleh 23 buah *vendor* dan melibatkan penyertaan kira-kira seramai 100 orang.

Ke arah menggalakan pertubuhan sektor swasta atau industri-industri untuk menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi. Beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

1. Sektor Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian Negara, sejumlah \$ 3.8 juta dengan Harga Rancangan 20 Juta disediakan di bawah RKN ke-11 bagi projek Pembinaan Jejambat di Persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong dan penempatan Tapak Industri Tanjong Kajar.
2. Ke arah meningkatkan pembangunan sektor swasta sejumlah \$ 1 juta dengan harga rancangan \$ \$ 5.4 juta di bawah rancangan RKN ke-11 disediakan untuk menambah baik dan menaik taraf utiliti asas di kawasan tapak-tapak perindustrian dan komersial.

Darussalam Enterprises juga memainkan peranan dalam memperkembangkan PMKS di samping membantu menyediakan infrastruktur asas di tapak-tapak industri dibawah pihak berkenaan. Ke arah itu, pihak Darussalam Enterprise telah memperuntukkan sebanyak \$23 juta bagi projek penambahbaikan dan menaik taraf infrastruktur- infrastruktur di tapak-tapak industri yang dikenal pasti dan dijangka bermula pada Mac 2022 untuk tempoh dua tahun.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pandemik *COVID-19* telah mempercepatkan proses tranformasi digital dengan menekankan kepentingan kepada industri-industri termasuk

masyarakat untuk dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai dengan peralihan dalam era ekonomi digital. Oleh itu, antara usaha-usaha untuk mendukung keutamaan ini termasuklah:

1. Pelancaran Sistem Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri telah diintegrasikan dengan sistem *e-Payroll* kerajaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi;
2. Perlaksanaan Sistem *Exit* dan *Entry System (EES)*, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah berjaya memutik sebanyak \$945,000.00 bermula Oktober 2020 hingga Januari 2022;
3. *One Common Billing System (OCBS)* Jabatan Perbendaharaan yang mula digunakan pada bulan Januari 2020 dan telah dilaratkan penggunaannya di beberapa jabatan-jabatan kerajaan. Penggunaan *OCBS* juga telah dilaratkan secara *partial* bagi Jabatan Kehakiman Negara, Bahagian Harta intelektual Brunei Darussalam (BruIPO) di bawah Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kesihatan bagi pembayaran *COVID-19 swab test* dan caj klinik melalui aplikasi BruHealth dan jabatan berkenaan hanya menggunakan kaedah pembayaran atas talian melalui kad kredit atau debit;
4. Projek Sistem *e-Census*, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik telah mendukung pengendalian Banci

Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 secara atas talian dan hasil Laporan Kiraan Awal Jumlah Penduduk Negara Brunei Darussalam juga telah digunakan oleh agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan bagi Program Vaksinasi Kebangsaan dalam menangani penularan wabak *COVID -19*; dan

5. *Coding.bn* di bawah inisiatif *Authority for Infocommunications Technology Industry (AITI)* yang disokong oleh *Manpower Industry Steering Committee Working Group* untuk sektor ICT untuk melatih calon belia tempatan dalam program *coding* mengikut piawaian industri global.

Ke arah mendukung keutamaan di bawah *Digital Economy Master Plan 2025*, pihak UNN telah memperluaskan Program Rangkaian *Single Radio Access Network (S-RAN)* dengan pelaksanaan sebanyak 80% liputan seluruh negara ini. Ini bermakna infrastruktur rangkaian adalah "5G ready" dan bersedia untuk pelaksanaan 5G di masa hadapan nanti. Negara Brunei Darussalam juga telah memperbaiki kelajuan rangkaian *mobile* dan mencapai kedudukan pertama di antara negara-negara ASEAN dan kedudukan ke-17 di seluruh dunia berdasarkan *Speed Test Global Index*. Di samping itu, berikutan pertubuhan pusat *Defense Cyber* pada bulan Ogos 2020, الحمد لله UNN juga telah berjaya melancarkan perkhidmatan *Data Center Co-Location* bertaraf *Tier 3* dan perkhidmatan *Cloud Hosting* pada akhir tahun 2021 selaras dengan ini inisiatif

digital bagi menyokong Wawasan Brunei 2035.

Ke arah mendukung matlamat ini, khususnya dalam memantapkan keberkesanan perkhidmatan kerajaan dalam mendukung keperluan sektor swasta untuk mewujudkan persekitaran peniaga yang lebih kondusif dan berkesan. Beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

1. Sejumlah \$13.2 juta dengan harga rancangan \$75.9 juta di bawah sektor Teknologi Maklumat dan Infokomunikasi di bawah RKN-11 akan terus disediakan antaranya termasuk projek Sistem Pensijilan Halal, platform perkhidmatan perniagaan nasional dan cukai bangunan elektronik; dan
2. Sejumlah \$87.4 juta bagi Peruntukan Teknologi Maklumat di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian-kementerian secara keseluruhan bagi *IT Central Procurement* dan lesen-lesen *software* semua kementerian dan jabatan.

Mengambil kira akan kepentingan untuk mempelbagaikan ekonomi negara, kerajaan juga akan terus menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) di samping menjana *spin-off* aktiviti pereknomian dari pelbagai aspek termasuk *knowledge and technology transfer*, peluang perniagaan kepada PMKS dan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Setakat ini terdapat beberapa buah projek FDI baru dalam fasa pelaksanaan yang dijangka

mula beroperasi di antara tahun 2022 hingga tahun 2026. Kerajaan juga akan terus mendukung usaha-usaha meningkatkan kerjasama ekonomi dengan rakan-rakan perdagangan antarabangsa dengan tujuan untuk meningkatkan peluang akses pasaran dan membuka lebih banyak rangkaian pasaran eksport bagi membantu perniagaan tempatan mengeksport ke pasaran luar negara. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan melalui penandatanganan perjanjian yang dimeterai termasuk:

1. Meratifikasi Perjanjian Perkongisian Ekonomi Komprehensif Serantau atau *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) iaitu *Free Trade Agreement* yang terbesar di dunia yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022. Ianya dihasrat untuk dimanfaatkan dengan memperluaskan dan mengeratkan hubungan ekonomi di antara rakan-rakan *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*. Di samping memberi peluang baru untuk pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga Negara Brunei Darussalam terutamanya dari segi akses pasaran dan peluang-peluang pelaburan. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai peluang-peluang dan kaedah yang boleh diraih dan juga kapasiti-kapasiti syarikat-syarikat tempatan di dalam penggunaan perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, insha-Allah akan mengadakan sesi-sesi

pemberigaan dengan pihak swasta dalam masa yang terdekat ini;

2. Perjanjian pengelakan cukai dua kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan iaitu *Agreement For The Avoidance Of Double Taxation And The Prevention of Fiscal Evasion With Respect To Taxes On Income* bersama Republik Filipina. Melalui perjanjian ini, kedua-dua negara akan dapat meningkatkan lagi kerjasama ekonomi, pelaburan dan perdagangan termasuk memudahkan pertukaran maklumat bagi isu-isu percukaian.
3. Dalam pada itu, kaola menyeru agar perusaha-perusaha tempatan dapat merebut peluang-peluang perniagaan dan pelaburan dengan terbukanya akses pasaran yang lebih besar ini melalui penandatanganan perjanjian-perjanjian ini.

Seterusnya tumpuan juga akan terus diberikan dalam meningkatkan keupayaan perkhidmatan logistik dan pengangkutan bagi mendokong rantai bekalan barangan penting dan kritikal dapat diterima oleh pengguna dalam tempoh masa yang diperlukan. Dalam keadaan yang sempurna antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mendukung usaha-usaha di bawah keutamaan ini termasuklah:

1. Penandatanganan di antara *Brunei International Air Cargo Centre Sdn Bhd (BIACC)* bersama pihak berkuasa Maritim dan Pelabuhan

Brunei Darussalam (MPABD) bagi Perjanjian Penyewaan, Pengurusan Operasi dan Penyelenggaraan Depot Kontena Darat (*ICD*) di Sungai Tujuh dan Kuala Lurah. Melalui penandatanganan tersebut, pelbagai perkhidmatan dan kemudahan pengendalian akan ditawarkan, yang akan memberi faedah kepada pengendali dalam logistik juga rantai pengangkutan kedua-dua belah sempadan; dan

2. Projek pengembangan Pelabuhan Muara yang matlamatnya untuk menambah kapasiti terminal kontena yang sedia ada daripada 220 ribu TEU setahun kepada 500 ribu TEU setahun menjelang tahun 2025. Kerja-kerja pembinaan, ان شاء الله akan bermula pada suku tahun pertama tahun 2023. Projek ini adalah inisiatif dan komitmen pihak *Muara Port Company Sendirian Berhad (MPC)* untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai *Hub* Antarabangsa yang bertaraf dunia bagi memudahkan pertumbuhan industri pembuatan dan logistik di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Fokus belanjawan yang keempat adalah meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*.

Tumpuan adalah diberikan untuk memastikan sistem pendidikan negara adalah sentiasa relevan agar generasi sekarang dan akan datang akan terus

memiliki kemahiran tinggi, fleksible, inovatif, *future ready*, *creative* dan boleh di sesuaikan (*adaptable*) sejajar dengan kepesatan kemajuan pelbagai bidang dalam pasaran pekerjaan tempatan khususnya di era revolusi industri Ke-4.

Sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi pertubuhan ekonomi negara, melalui perkembangan *PMKS* tempatan dan menarik lebih banyak *FDI*. Kerajaan akan terus menyediakan kursus dan juga latihan melalui pelbagai agensi seperti *Darussalam Enterprise*, *Manpower Planning and Employment Council* dan Kementerian Pendidikan, termasuk latihan sambil bekerja seperti program *iReady* bagi pekerja-pekerja tempatan untuk meningkatkan kapasiti diri dan memanfaatkan peluang-peluang pekerjaan baharu.

Selain itu, *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* melalui sekretariat *MPEC* telah melaksanakan kajian berkenaan dengan *manpower forecasting* untuk memastikan program-program dan kursus-kursus yang dijalankan dan disediakan adalah selaras dengan keperluan industri khusus bagi syarikat pelaburan langsung asing.

Pada masa yang sama *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* juga telah ditubuhkan sebagai satu platform untuk mendukung visi *MPEC* dalam pensejajaran perancangan tenaga manusia dengan kebolehpasaran anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang *sustainable* dan *gainful*. *MISC* akan menyelaras di antara industri, institusi pendidikan dan institusi latihan ke arah

memenuhi permintaan industri serta memastikan bekalan sumber manusia yang mencukupi pada waktu yang tepat. Lima sektor yang sedang diteliti oleh *MISC* pada masa ini adalah sektor *Energy*, *Construction*, *Hospitality* dan *Tourism*, *ICT* dan *Transportation and Logistic*.

MISC bersama sekretariat *MPEC* telah mengumpulkan dan meneliti peluang pekerjaan (*critical occupation*) termasuk jenis dan jumlah pekerjaan yang sedia ada dan unjuran tenaga kerja 5 tahun ke hadapan dalam sektor masing-masing. *Critical occupation* merupakan jenis-jenis jawatan yang banyak diperlukan oleh pihak industri dan ianya juga dikenal pasti sebagai jawatan-jawatan yang sesuai boleh diisikan oleh

anak-anak tempatan. Di samping itu *competency standards* ataupun *framework* serta kurikulum latihan bagi *critical occupation* yang telah dikenal pasti di sektor berkenaan akan dibentuk berdasarkan keperluan dan kehendak dari industri serta menghasilkan beberapa program kemahiran baharu untuk dilaksanakan.

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti Program *Dual Technical and Vocational Education and Training (TVET)* dan *Architect Mechanical and Electrical Civil and Structural (ARMECS) Bridging Program* untuk memberikan latihan kemahiran selaras dengan keperluan industri Sektor Pembinaan.

Selain itu juga, kerjasama yang berterusan dengan kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan akan terus dijalankan. Ini adalah untuk memastikan pendidikan serta latihan kemahiran akan dapat dikemaskinikan dan disediakan sama ada oleh pihak Institusi Pengajian Kerajaan mahupun Institusi Pengajian Swasta. Berkenaan dengan maklumat unjuran tenaga kerja serta kompetensi yang diperlukan, pihak Sekretariat *MPEC* akan juga terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membolehkan penyediaan dan pengemaskinian kurikulum yang bersesuaian dalam memastikan latihan yang dijalankan membolehkan anak-anak tempatan mengisi jawatan-jawatan yang telah dikenal pasti melalui unjuran berkenaan.

Sebagai tambahan bagi *upskilling* dan *reskilling program* seperti *SkillsPlus*, ianya adalah diharap akan dapat membantu anak tempatan di dalam sedikit sebanyak mengurangkan jurang yang diperlukan dalam melaksanakan sesebuah pekerjaan.

Sukacita kaola mengongsikan beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi mendukung usaha-usaha tersebut seperti berikut:

1. Pertubuhan Fakulti Pertanian di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di mana peruntukkan sejumlah \$9 juta akan disediakan di bawah perkhidmatan rampaian untuk membiayai penambahbaikan dan penaiktarafan bangunan kampus

UNISSA di Kampung Sinaut, Daerah Tutong;

2. Program Argo-teknologi yang di tawarkan oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) adalah untuk menyediakan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang argo-bisnis dan dan teknologi tradisional serta pertanian moden;
3. الحمد لله beberapa pencapaian signifikan telah dicapai oleh institusi-institusi pengajian tinggi antaranya:
 - 3.1 UTB dianugerahkan *5-plus star* bagi kecemerlangan oleh *QS*;
 - 3.2 UBD berada di kedudukan ke-69 di Asia mengikut kedudukan universiti *QS Asia* 2022 dan ke-250 pada kedudukan universiti dunia *QS* 2022; dan
 - 3.3 UNNISA di anugerahkan *Global Islamic Finance Awards (GIFA)* untuk kali ketiga berturut-turut.

Untuk meningkatkan peluang graduan-graduan mendapatkan pekerjaan sejurus selepas menamatkan pengajian, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti:

1. Penandatanganan perjanjian persefahaman di antara *Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN)* dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi program perantisan *UNN*. Sejak tahun 2020,

UNW telah mengambil seramai 25 orang pelajar daripada IBTE dan Politeknik Brunei untuk menjalani program perantisan. الحمد لله, kesemua mereka telah menamatkan program perantisan pada tahun 2021. Kohort baru akan bermula, ان شاء الله pada tahun 2023 selama setahun.

2. Syarikat Hengyi juga telah menawarkan skim-skim biasiswa dan latihan-latihan dalam perkhidmatan bagi kakitangan tempatan, antaranya, seperti berikut:

- i. Seramai 138 orang penuntut dari UBD telah dianugerahkan biasiswa iaitu peningkatan sebanyak 35 orang penuntut dalam bidang

Kejuruteraan Proses dan Kimia bersama UBD dan Universiti Zhejiang, yang mana program ini juga merangkumi latihan industri di kilang petrokimia *Zhejiang Hengyi Petrochemical Company Limited* di Republik Rakyat China selama 6 bulan;

- ii. Seramai 241 orang penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah dianugerahkan biasiswa dalam bidang Kejuruteraan Kimia dengan kerjasama *Lanzhou Petrochemical Polytechnic College (LPP)*, Republik Rakyat China;

- iii. Seramai 242 orang penuntut dari Politeknik Brunei sedang mengikuti Level 5 Diploma di *Lanzhou Petrochemical Polytechnic College*

(LPP), Republik Rakyat China, seperti *Laboratory Technology, Chemical Engineering, Chemical Equipment Technology, Power Plant and Power System, Storage and Transportation Technology, Thermal Power Plant Technology* dan *Water Treatment Technology*.

Penuntut-penuntut ini nanti akan ditawarkan pekerjaan dengan Syarikat Hengyi sebaik sahaja berjaya menamatkan pengajian mereka. Setakat ini, seramai 111 orang graduan dari UBD dan IBTE telah mula bertugas dengan Syarikat Hengyi. Di samping itu, seramai 551 orang anak tempatan juga pada masa ini berkhidmat di Syarikat Hengyi dalam pelbagai peringkat jawatan.

Seterusnya, inisiatif-inisiatif lain yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program *Study in Professional Institution (SPIN) in Accountancy* di bawah MPEC adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *Brunei Darussalam Institute of Chartered Public Accountants (BICPA)* yang bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan kumpulan profesional yang khusus dalam sektor berkenaan. Pada masa ini, seramai 104 peserta telah dianugerahkan pembiayaan di bawah program ini yang akan dibimbing oleh seramai 25 mentor profesional; dan

- ii. Program Biasiswa Anak Yatim yang diungkayahkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Program BIBD ALAF akan bermula pada tahun persekolahan 2022. Program tersebut dihasratkan untuk menyokong inisiatif pendidikan sebagai satu cara utama untuk membasmi kitaran kemiskinan.

Oleh itu, untuk mempertingkatkan lagi usaha ke arah mendukung Hasrat di bawah keutamaan ini, beberapa peruntukan telah disediakan untuk memperkasa kualiti dan pencapaian mutu pendidikan negara, beberapa peruntukan akan terus disediakan seperti berikut:

- i. Peruntukan Biasiswa disediakan sejumlah \$40.1 juta secara keseluruhannya di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi teratas di dunia;
- ii. Peruntukan Program Bantuan sejumlah \$1.5 juta akan terus disediakan bagi mengendalikan Skim Miftaahun-Najaah untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk membeli keperluan persekolahan pelajar-pelajar;
- iii. Peruntukan Perkhidmatan Pendidikan disediakan sebanyak \$47 juta bagi membiayai pengambilan pakar dan tenaga-tenaga pengajar termasuk *CFbT* bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar-pelajar di seluruh negara;
- iv. Di bawah RKN Ke-11, peruntukan secara keseluruhannya berjumlah \$38 juta dengan Harga Rancangan \$235 juta akan terus disediakan bagi menyediakan infrastruktur sekolah-sekolah rendah, menengah dan agama serta institusi pengajian tinggi;
- v. Untuk membangun keupayaan dan kapasiti perkhidmatan awam, peruntukan sejumlah \$37.5 juta disediakan di bawah peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti di kementerian-kementerian.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkembangan modal insan, di samping memastikan kesediaan dan kesiapsiagaan ke arah transformasi digital dan inovasi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan iaitu sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-75 tahun pada 15 Julai 2021 bagi penubuhan Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (*Council for Research and The Advancement of Technology and Sciences – CREATES*) di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai platform baharu untuk mempromosikan aktiviti yang

berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi sekaligus menyokong keseluruhan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini.

Selaras dengan usaha dalam memajukan kegiatan penyelidikan di negara ini, beberapa peruntukan telah disediakan, antaranya sejumlah \$1.9 juta untuk membiayai projek-projek penyelidikan yang akan dilaksanakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan. Selain daripada itu, sejumlah \$10.7 juta dengan Harga

Rancangan \$66 juta juga disediakan di bawah Sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi, RKN Ke-11.

Di samping peruntukan-peruntukan yang disediakan di atas, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah \$27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan negara; dan sejumlah kira-kira \$108.7 juta di bawah Projek Rampaian khusus bagi menampung pembiayaan atau pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang masih dalam proses pemulihan dari wabak *COVID-19*, kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif dan menyediakan perancangan pembangunan negara yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan

menjamin kebajikan, kesejahteraan serta keselamatan rakyat dan penduduk negara ini, sepertimana sebahagiannya yang telah kaola bentangkan sebentar tadi.

Dalam hubungan ini, Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan atau *Government-Linked Companies (GLCs)* juga memainkan peranan penting dalam mendukung fokus belanjawan khususnya dalam memperkukuhkan sektor swasta bagi menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, beberapa inisiatif kerajaan telah dilaksanakan melalui penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLCs*) dan usaha sama dengan pelabur langsung asing (FDI). Melalui Darussalam Assets, GLC dipastikan dan dipantau mempunyai kod pelaksanaan tadbir urus korporat ataupun *corporate code of governance* yang sesuai, memastikan model komersial yang berdaya maju, *financial reporting* yang tepat dan *risk management* yang berkesan. Melalui *Strategic Development Capital (SDC)*, usahasama dengan FDI juga adalah penting kerana FDI bertindak sebagai rakan kongsi teknikal, menyediakan teknologi dan akses pasaran antarabangsa dan serantau bagi produk dan perkhidmatan. Inisiatif-inisiatif ini adalah bertujuan untuk menyediakan negara dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan menyediakan perkhidmatan dan infrastruktur kepada negara dan rakyat serta memberikan peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Kaola juga menyeru agar sektor awam dan sektor swasta untuk terus

berganding bahu dalam meningkatkan lagi usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan lagi pelaksanaan projek melalui *Public Private Partnership* dan meningkatkan lagi usaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing, agar dapat meningkatkan produktiviti negara dan membukakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Usaha-usaha ini adalah penting bagi mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan demi kedayatahanan fiskal negara agar kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini akan berterusan dan dapat dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman dan Makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan Izin *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir dengan penuh keberkatan di bawah perlindungan *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua. آمين.

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari Peruntukan Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang

tertentu sepanjang Tahun Kewangan 2022/2023.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Rang Undang-Undang dan kenyataan yang telah diberikan secara komprehensif dan penuh teratur mengenai dengan perancangan-perancangan dan hala tuju Peruntukan Kewangan Negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Adakah seorang Ahli Yang Berhormat di sini yang ingin untuk menyokong Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang telah dibentangkan tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar satu Akta untuk membekalkan sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi

perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023.

Dan untuk memperuntukan wang yang tersebut itu iaitu bagi maksud-maksud tertentu telah selesai dibentangkan dengan panjang lebar dengan penuh teratur dan komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rang Undang-Undang ini telah dibentangkan dengan cukup jelas dan dengan sebab-sebab serta hala tujunya sekali oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira tibalah masanya bagi kita memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-Ahli Yang Dilantik yang suka untuk bertanya atau pun membahaskan Rang Undang-Undang ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa perbahasan ini hendaklah ditumpukan kepada asas dan kelayakannya saja. Biarlah perbincangan, kenyataan-kenyataan itu ringkas dan jelas dan tepat kepada sasaran-sasarannya.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola membawakan Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan. Kaola memetik kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Kebangsaan Yang Ke-38 tahun 2022, yang berbunyi:

“...dengan menyambut Hari Kebangsaan kita dapat mengenang dan menghargai nilai kemerdekaan termasuk pengorbanan mereka yang bekerja keras untuk kemerdekaan. Sayugia kemerdekaan itu wajar dipelihara oleh sekalian rakyat dan penduduk dengan semangat patriotik yang tinggi, selaku warisan berharga yang berhak dinikmati oleh generasi demi generasi...”.

Kaola suka mencadangkan supaya usaha ke arah tahap patriotisme kebangsaan yang lebih proaktif dan komprehensif.

Dan seterusnya Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Seyogia kalau tidak menjadi kesalahan tata cara kenaikan pangkat di sektor awam, dicadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam menggalakkan Ketua Jabatan dan Ketua Bahagian untuk membuat sokongan kenaikan pangkat kepada pegawai yang sudah berkhidmat 15 tahun yang menunjukkan pencapaian

yang baik dan juga menyokong kakitangan dalam Divisyen V kepada Divisyen IV.

Contohnya kakitangan Divisyen V ada yang berkhidmat 20 tahun kerana tidak mempunyai pendidikan cukup tidak dinaikkan ke Divisyen IV, padahal sangat mahir dalam bidang profesi yang dibuatnya. Maka harus juga dilihat kemahiran dan pengalaman di samping semata-mata pendidikan.

Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi.

Saya cuma ingin menyentuh mengenai satu perkara yang mungkin tidak diberi perhatian khusus iaitu perkembangan sukan. Negara telah terbukti dapat menganjurkan sukan bukan saja peringkat nasional seperti renang, bola jaring, bola keranjang dan bola sepak. Malah di peringkat serantau seperti Sukan SEA, Hassanal Bolkiah Trophy

dan lain-lain lagi, malah sukan non-konvensional juga turut dianjurkan. Penglibatan sukan ini terbukti dapat membantu untuk mengurangkan kebergantungan kitani kepada perbelanjaan kesihatan untuk menangani *non communicable diseases* dan kesihatan mental contohnya.

Sukan sebagai Program Pembangunan sosial membantu golongan masyarakat yang memerlukan seperti kanak-kanak di luar kawalan, warga emas dan masyarakat di kawasan peringkat akar umbi. Terakhir sekali sukan dapat menyatu padukan masyarakat kitani sepertimana negara kitani bersatu padu menjayakan Sea Games 1999.

Pada Tahun Kewangan 2021/2022 yang dikongsikan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan semasa per muzakarah beberapa hari yang lalu. Kebanyakan peruntukan adalah untuk peningkatna serta pemeliharaan infrastruktur sukan di samping gaji para kakitangan.

Pada kesimpulannya saya berpendapat sudah perlunya kitani memberikan fokus perbelanjaan yang bersesuaian untuk membina ekosistem negara yang lebih dan impaknya jelas dapat dilihat secara positif bukan saja dilihat dari segi infrastruktur akan tetapi keperluan untuk meningkatkan program pembangunan atlet dan peringkat di bawah umur 12 tahun ke peringkat senior.

Pembangunan Sekolah Sukan serta sukan di institut-institut pendidikan seperti inisiatif satu sukan satu pelajar

biasiswa sukan dan dukungan akademik di peringkat pengajian tinggi juga termasuk industri sukan sebagai kerjaya bagi semua pihak. Penjagaan-penjagaan atlet serta bekas-bekas atlet, penganjuran sukan (*sports hosting*) dan pelancongan sukan sebagai aktiviti menjana pendapatan negara dan lain-lain lagi perkara berkaitan.

Sekian sebagai tambahan nilai kepada perkara yang dibahaskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dipersilakan.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyokong juga sepenuhnya mengenai dengan Rang Undang-Undang (2022) Pebekalan, 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memelihara keperluan rakyat terutama sekali kepada negara sedang mengalami kesan yang sangat ketara semasa *first wave*, *second wave* dan juga sekarang fasa yang ketiga.

Kita sedang bergelut dengan cabaran pandemik yang semakin hebat yang ditangani, walaupun negara kita mengalami defisit pihak klerajaan masih bertungkus lumus memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terjaga sehingga kini dengan menyediakan peruntukan khas sebanyak \$124.52 juta pada tahun ini berbanding pada B\$20 juta pada tahun lepas.

Tahniah juga kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas sumbangan ketara dari sektor-sektor di bawah kawalan pihak kementerian dan pendekatan KDNK negara pada tahun 2022, iaitu sebanyak 1.4 melalui sektor pertanian, perhutanan dan juga perikanan. Walaupun negara masih berhadapan dengan cabaran ekonomi akibat kesan pandemik pada masa ini, kita masih mampu untuk bertahan dan meningkatkan usaha bagi memastikan KDNK dalam keadaan yang memuaskan.

Mengenai dengan perkembangan Rancangan Kemajuan Negara, الحمد لله, seperti yang dikongsikan melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai dengan peta jalan RKN yang dikongsikan sebelum ini, akan tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan Majlis yang mulia ini mengenai dengan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, iaitu pelaksanaannya tidak seperti yang diharapkan, bermula pada tahun 2018 hinggalah 2020 perbelanjaan RKN hanya digunakan sebanyak 29% sahaja.

Nampaknya perkembangan RKN Ke-11 adalah sangat perlahan berbanding dengan sasaran yang ingin kita capai di tahun terakhir RKN Ke-11 nanti. Sepertimana yang telah dikongsikan pada Tahun Kewangan 2021/2022, terdapat 189 projek RKN dan 20 nya sudah pun siap, 13 projek ini ditunda dari RKN Ke-10. Adakah sejumlah nanti projek-projek di RKN Ke-11 ini akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan bersama Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 nanti.

Di samping ini, saya juga mencadangkan supaya *mid term review* boleh dilakukan keatas projek-projek Rancangan Kemajuan Negara untuk memantau dan memastikan pada setiap tahun projek-projek RKN akan mencapai sasarannya. Sekian sahaja dari saya, semoga perkara ini akan dapat diberikan perhatian dengan lebih mendalam lagi dan menjadi salah satu nilai tambah dalam perbincangan kita. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan kenyataan-kenyataan yang telah pun dibuat tadi menurut di dalam membentangkan Rang Undang-Undang yang berkenaan nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat ada yang sudah sedikit *out of steam*.

Dengan itu saya bercadang ada baiknya kalau kita tangguhkan mesyuarat kita ini dulu dan barangkali kita dapat *digest* lebih mendalam lagi apa yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dengan itu, saya tangguhkan mesyuarat ini dan kita akan balik bermesyuarat lagi *ان شاء الله* pada petang ini jam 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)